

**NO. SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ  
BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]**

**RUJUKAN : 7589**

**TARIKH : 31 MAC 2015**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah mekanisme yang dilakukan oleh Kerajaan dalam menangani isu dadah di kalangan anak-anak muda terutamanya kawasan luar bandar.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menangani isu dadah di kalangan anak-anak muda, Kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai aktiviti penguatkuasaan dan program pencegahan.**

**Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD) adalah badan tertinggi negara yang ditubuhkan untuk mengkoordinasi segala keputusan dan perakuan mengenai pengawalan dan pencegahan dadah selaras dengan Arahan No.1 Perdana Menteri tahun 2004. Di bawah JKMD, jentera-jentera pelengkap adalah seperti berikut:**

- i) Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang (JPU);**
- ii) Jawatankuasa Bertindak Rawatan dan Pemulihan (JRP);**
- iii) Jawatankuasa Bertindak Pencegahan, Pendidikan dan Publisiti (JPPP);**
- iv) Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Negeri; dan**
- v) Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Daerah / Bahagian.**

**Jentera ini bertujuan meningkatkan kerjasama pelbagai Jabatan/Agensi seperti Polis DiRaja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan**

**Pengangkutan Jalan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain termasuk Badan Bukan Kerajaan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia mengambil langkah-langkah untuk membanteras masalah pengedaran, penyalahgunaan dan penagihan dadah di kalangan anak-anak muda seperti berikut:**

- i. Menempatkan pegawai perhubungan di setiap sekolah yang berperanan untuk menjadi perantara di antara PDRM dan pihak pentadbiran sekolah. Pegawai ini juga berperanan untuk memantau masalah disiplin dan salah laku pelajar termasuk masalah dadah dan samseng.**
- ii. Kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memantau pelajar-pelajar sekolah yang mempunyai masalah disiplin dan terlibat dengan masalah jenayah, dadah dan rempit.**
- iii. Bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam menganjurkan perkhemahan kem bina semangat untuk pelajar-pelajar bermasalah bagi membentuk disiplin mereka.**

- iv. **Mengadakan kempen kesedaran kepada pelajar sekolah menengah melalui pameran, ceramah, forum dan lain-lain aktiviti bersama untuk memberi pendedahan trend, ancaman dadah terkini dan panduan untuk tidak terjebak dalam masalah dadah dan samseng.**

**Selain itu, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) juga sentiasa menjalankan program pencegahan dadah di sekolah bagi menangani masalah penularan dadah dan meningkatkan kesedaran bahaya dadah di kalangan anak-anak muda. Ini merangkumi langkah-langkah pencegahan seperti berikut:**

- i. **Pelaksanaan program pencegahan yang memberi fokus kepada profil kawasan dalam mendapatkan *output* dan *outcome* yang lebih berkesan.**
- ii. **Mengadakan kerjasama dengan Jabatan/Agensi yang berkaitan dengan kumpulan sasaran (remaja) dalam merangka strategi pencegahan dadah secara menyeluruh di peringkat tertinggi seperti Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Pendidikan Pencegahan dan Publisiti (JPPP) yang melibatkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia & Sukan dan lain-lain.**

**iii. Penglibatan badan kerajaan, badan bukan kerajaan dan komuniti setempat dalam setiap program yang dilaksanakan dalam mendapatkan keberkesanan program yang lebih baik. Antaranya adalah seperti berikut :**

- a) Badan kerajaan/Badan Berkanun, iaitu PDRM, Majlis Bandaraya / Perbandaran / Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri / Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA);**
- b) Badan Bukan Kerajaan, iaitu PEMADAM, Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Belia 4B Malaysia; dan**
- c) Komuniti setempat, iaitu SKUAD 1Malaysia, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Persatuan Ibu Bapa dan Guru, dan pihak sekolah.**

**Ujian saringan air kencing juga diadakan bagi pengesanan awal pelajar berisiko bagi mencegah penglibatan yang lebih serius di kalangan anak-anak muda. Sehingga Disember 2014, sebanyak 1230 program pengesanan ujian saringan air kencing telah dijalankan di peringkat sekolah dan seramai 36,838 pelajar telah menjalani ujian pengesanan tersebut. Sebanyak 233 program pengesanan awal ujian saringan air kencing telah dilakukan**

**kepada pelajar pengajian tinggi yang melibatkan 13,123 orang pelajar Institut Pengajian Tinggi di seluruh negara.**

**Pelbagai Program Pencegahan yang memberi fokus kepada anak-anak muda dijalankan secara berterusan seperti berikut:**

- i. Program Sayangi Hidup Elak Derita (SHIELDS) dilaksanakan di peringkat Sekolah Menengah bagi meningkatkan kesedaran dan mengupayakan ketahanan diri pelajar (lingkungan umur 13 hingga 18 tahun) yang dikenal pasti berisiko dalam penyalahgunaan dadah. Sebanyak 94 program dengan penyertaan seramai 3,760 orang remaja telah menyertai program ini sehingga Januari 2015.**
  
- ii. Program SMART (Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab) merupakan program yang membimbing dan mendidik belia bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta kesedaran tentang bahaya dadah dan cara hidup yang positif bagi melahirkan belia bebas dadah. Sebanyak 120 program dengan penyertaan seramai 6,290 orang remaja/belia telah menyertai program ini sehingga Januari 2015.**
  
- iii. Program Bersama PLKN (Program Latihan Khidmat Negara) dilaksanakan untuk memastikan remaja lepasan sekolah mempunyai kemahiran mengenai gaya hidup sihat**

**& mempraktikkannya kepada diri & membantu orang lain. Sebanyak 243 program dengan penyertaan seramai 69,591 orang remaja/belia telah menyertai program ini sehingga Januari 2015.**

- iv. Program *Tomorrow's Leader* merupakan program berbentuk kesedaran bahaya dan kesan dadah yang dilaksanakan di kalangan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi dalam bentuk seminar, forum dan ceramah bagi memberi pengetahuan, kesedaran dan kemahiran kepada pelajar universiti mengenai gaya hidup sihat tanpa dadah. Sehingga Disember 2014, sebanyak 251 program *Tomorrow's Leader* telah diadakan.**

**Program kesedaran awam yang lebih agresif juga dilaksanakan menerusi Pelan Media iaitu :**

- i. Media Penyiaran (Televisyen & radio);**
- ii. Media Cetak (Suratkhabar);**
- iii. Media Baru (*Facebook, Twitter, YouTube*, blog, laman sesawang);**
- iv. Media Luar (*billboard*); dan**
- v. Media Bersemuka (bas pameran dan pameran statik).**